



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**PENGARUH PENGURUSAN STRATEGIK,
KOMITMEN ORGANISASI DAN BUDAYA
ORGANISASI TERHADAP PRESTASI KERJA
PENSYARAH DI PERGURUAN TINGGI
MUHAMMADIYAH, INDONESIA**

RUSTAMADJI



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2019



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



PENGARUH PENGURUSAN STRATEGIK, KOMITMEN ORGANISASI DAN
BUDAYA ORGANISASI TERHADAP PRESTASI KERJA PENSYARAH DI
PERGURUAN TINGGI MUHAMMADIYAH, INDONESIA

RUSTAMADJI



TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH
IJAZAH DOKTOR FALSAFAH (PENGURUSAN PENDIDIKAN)

FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2019





Sila tanda (✓)

Kertas Projek

Sarjana Penyelidikan

Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus

Doktor Falsafah

**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH****PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN**

Perakuan ini telah dibuat pada ..20...(hari bulan).....09..... (bulan) 20..19..

i. Perakuan pelajar :

Saya, RUSTAMADJI, NO. MATRIK P20111000911, FPE (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk PENGARUH PENGURUSAN STRATEGIK, KOMITMEN ORGANISASI DAN BUDAYA ORGANISASI TERHADAP PRESTASI KERJA PENSYARAH DI PERGURUAN TINGGI MUHAMMADIYAH, INDONESIA

adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, PROF. DR. CHE MOHD ZULKIFLI CHE (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk PENGARUH PENGURUSAN STRATEGIK, KOMITMEN ORGANISASI DAN BUDAYA ORGANISASI TERHADAP PRESTASI KERJA PENSYARAH DI PERGURUAN TINGGI MUHAMMADIYAH, INDONESIA

(TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah

DOKTOR FALSAFAH (SILA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

Tarikh

Tandatangan Penyelia



INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIESBORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM

Tajuk / Title:

PENGARUH PENGURUSAN STRATEGIK, KOMITMEN ORGANISASI DAN
BUDAYA ORGANISASI TERHADAP PRESTASI KERJA PENSYARAH DI
PERGURUAN TINGGI MUHAMMADIYAH, INDONESIA

No. Matrik /Matric's No.:

P20111000911

Saya / I :

RUSTAMADJI

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Doktor Falsafah/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan sahaja.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of research only.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Perpustakaan tidak dibenarkan membuat penjualan salinan Tesis/Disertasi ini bagi kategori **TIDAK TERHAD**.
The Library are not allowed to make any profit for 'Open Access' Thesis/Dissertation.
5. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / *Please tick (✓) for category below:-*

**SULIT/CONFIDENTIAL**

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / *Contains confidential information under the Official Secret Act 1972*

**TERHAD/RESTRICTED**

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / *Contains restricted information as specified by the organization where research was done.*

**TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS**

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

Tarikh: _____

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.





PENGHARGAAN

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah yang maha pengasih dan penyayang kerana dengan izinNya, dengan rahmat dan redhaNya, maka tesis ini berjaya disiapkan bagi memenuhi penganugerahan Ijazah Doktor Falsafah, Universiti Pendidikan Sultan Idris Malaysia.

Penulis ingin merakamkan setinggi-tingginya penghargaan dan terima kasih kepada penyelia, Prof. Dr. Che Mohd Zulkifli bin Che Omar atas nasihat, bimbingan dan sokongan yang diberikan sepanjang tempoh penyediaan tesis ini.

Dalam usaha mengumpul bahan-bahan kajian, membangun perisian dan dokumentasi, penyelidikan telah mendapat bantuan secara langsung dan tidak daripada berikut; semua pejabat Perguruan Tinggi Muhammadiyah, Indonesia yang terpilih untuk kajian kerana memberi keizinan dan kerjasama untuk menjayakan kajian ini, para pensyarah Fakulti Pengurusan dan Ekonomi yang telah memberikan ilmu dan tunjuk ajar, semua kakitangan Fakulti Pengurusan dan Ekonomi yang banyak membantu mempermudah semua urusan saya selama menuntut di fakulti ini, semua pensyarah Perguruan Tinggi Muhammadiyah, Indonesia yang terlibat di dalam kajian ini, rakan-rakan sepengajian yang banyak memberi bantuan dan semangat, semua pensyarah dan kaki tangan Sekolah Tinggi Keguruan dan Ilmu Pendidikan Muhammadiyah Sorong, Ayah dan Bonda yang sentiasa memberikan sokongan dan kasih sayang yang tidak terhingga kepada diri ini dan tidak lupa juga kepada keluarga saya yang telah memberikan sokongan padu untuk menyelesaikan pengajian ini.

Akhir sekali penulis ingin mengucapkan sekali lagi ribuan terima kasih kepada semua pihak sama ada yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam penyempurnaan pengajian ini. Semoga Allah S.W.T membalas budi baik semua pihak yang terlibat di dalam menyempurnakan tesis ini. Sekian terima kasih. Wassalam.





ABSTRAK

Tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti pengaruh pengurusan strategik, komitmen organisasi dan budaya organisasi terhadap prestasi kerja pensyarah di Perguruan Tinggi Muhammadiyah, Indonesia. Reka bentuk kajian ini adalah kajian tinjauan menggunakan soal selidik sebagai instrumen kajian. Responden yang dipilih terdiri daripada 386 pensyarah di 12 Perguruan Tinggi Muhammadiyah menggunakan teknik persampelan rawak berstrata. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pengurusan strategik ($\beta=0.141$, $p\leq 0.05$), komitmen organisasi ($\beta=0.152$, $p\leq 0.05$), dan budaya organisasi ($\beta=0.281$, $p\leq 0.05$) memberi kesan signifikan serta mempunyai hubungan positif dan memberi pengaruh terhadap prestasi kerja pensyarah. Implikasi utama dalam kajian ini menunjukkan bahawa pengurusan strategik, komitmen organisasi dan budaya kerja yang baik berperanan untuk membuat pekerja sedar akan misi dan matlamat organisasi dan sekaligus meningkatkan prestasi pekerja dan keberkesanan organisasi. Sebagai kesimpulan, kajian ini mendapati bahawa dengan pengurusan strategik, komitmen organisasi dan budaya kerja yang baik akan memberi kesan kepada prestasi kerja kearah yang lebih cemerlang.





THE INFLUENCE OF STRATEGIC MANAGEMENT, ORGANISATIONAL COMMITMENT AND ORGANISATIONAL CULTURE TOWARDS THE LECTURERS' WORK PERFORMANCE IN PERGURUAN TINGGI MUHAMMADIYAH, INDONESIA

ABSTRACT

The aim of this study was to identify the influence of strategic management, organisational commitment and organisational culture towards the lecturers' work performance in Perguruan Tinggi Muhammadiyah, Indonesia. This study adopt quantitative approach where data were collected using questionnaire. The respondents which consist of 386 lecturers from 12 Perguruan Tinggi Muhammadiyah were selected using stratified random sampling technique. Findings show that strategic management ($\beta=0.152$, $p\leq 0.05$), organisational commitment ($\beta=0.141$, $p\leq 0.05$) and organisational culture ($\beta=0.281$, $p\leq 0.05$) had a significant impact and positive relationships and influenced towards the lecturers' work performance. The main implication of this research revealed that a good strategic management, organisational commitment and organisational culture were responsible for making employees aware of the mission and goals of the organisation and at the same time improve the employees' performance and effectiveness of the organisation. To conclude, this study find that strategic management, organisational commitment, and organisational culture would have a greater impact on work performance



KANDUNGAN

MUKA SURAT

PERAKUAN KEASLIAN	ii
PERAKUAN PENYERAHAN TESIS	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	x
SENARAI RAJAH	xi

BAB 1 PENDAHULUAN

1.1. Pengenalan	1
1.2. Latar Belakang	3
1.3. Pernyataan Masalah	6
1.4. Kerangka Kajian	15
1.4.1. Kerangka Teoritik Kajian	15
1.4.2. Kerangka Konseptual Kajian	20
1.4.3. Objektif Kajian	20
1.5. Tujuan Kajian	21
1.6. Soalan Kajian	21
1.7. Hipotesis Kajian	22
1.8. Batasan Kajian	23
1.9. Kepentingan Kajian	24
1.10. Definisi Operasional	25
1.11. Rumusan	27

BAB 2 SOROTAN KAJIAN

2.1. Pengenalan	29
2.2. Pengurusan Perguruan Tinggi	30
2.3. Pengurusan Strategik pada Perguruan Tinggi	32
2.3.1. Konsep Pengurusan Strategik	32
2.3.2. Proses Pengurusan Strategik	35
2.3.3. Model/Sistem Pengurusan Strategik	37

2.4.	Budaya Organisasi	40
2.5.	Komitmen Organisasi	48
2.6.	Prestasi Kerja	50
2.6.1.	Definisi Prestasi Kerja	50
2.6.2.	Faktor-faktor yang Mempengaruhi Prestasi Kerja	53
2.7.	Tinjauan Kajian Terdahulu	55
2.8.	Rumusan	61

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1.	Pengenalan	62
3.2.	Reka Bentuk Kajian	63
3.3.	Instrumen Kajian	66
3.4.	Alat Kajian	67
3.4.1.	Pembinaan Soal Selidik	67
3.4.2.	Penyusunan Skala dan Indeks	69
3.4.3.	Kesahan dan Kebolehpercayaan	69
3.5.	Sumber Pengumpulan Data	73
3.6.	Kaedah Analisis Data	74
3.6.1.	Ujian Andaian	75
3.6.2.	Ujian Hipotesis	78
3.7.	Rumusan	80

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	81
4.2	Latar Belakang Sampel	82
4.3	Pengujian Hipotesis Kajian	87
4.4	Rumusan	139

BAB 5 RUMUSAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN

5.1	Pengenalan	140
5.2	Ringkasan Dapatan Kajian	140
5.3	Perbincangan Dapatan Kajian	142
5.4	Implikasi Kajian	158
5.5	Cadangan Kajian	159
5.6	Rumusan	160

RUJUKAN	162
----------------	-----

LAMPIRAN	177
-----------------	-----

**SENARAI JADUAL**

No. Jadual		Muka surat
2.1	Perbandingan Tiga Model Budaya Organisasi Perguruan Tinggi Moden	47
3.1	Data Sampel Yang Diambil	65
3.2	Keputusan Ujian Durbin Watson	72
4.1	Ciri-ciri Responden Penyelidikan Mengikut Jantina	82
4.2	Ciri-ciri Responden Penyelidikan Mengikut Umur	83
4.3	Ciri-ciri Responden Penyelidikan Berdasarkan Peringkat Pendidikan	84
4.4	Ciri-ciri Responden Penyelidikan berdasarkan Pengalaman dalam Bekerja	85
4.5	Ringkasan Hasil Analisis Data Pengaruh Pengurusan Strategik terhadap Komitmen	88
4.6	Ringkasan Hasil Analisis Data Pengaruh Pengurusan Strategik terhadap Prestasi Kerja	96
4.7	Ringkasan Hasil Analisis Data Pengaruh Komitmen Organisasi terhadap Budaya Organisasi	104
4.8	Ringkasan Hasil Analisis Data Pengaruh Komitmen Organisasi terhadap Prestasi Kerja	112
4.9	Ringkasan Hasil Analisis Data Pengaruh Budaya Organisasi terhadap Prestasi Kerja	116
4.10	Ringkasan Hasil Analisis Data Pengaruh Pengurusan Strategik, Komitmen Organisasi dan Budaya Organisasi secara Bersama-Sama Terhadap Prestasi Kerja Pensyarah	121





SENARAI RAJAH

No. Rajah		Muka surat
1.1	Jumlah Perguruan Tinggi Muhammadiyah Tahun 2016	5
1.2	Akreditasi Perguruan Tinggi Muhammadiyah Tahun 2016	9
1.3	Jumlah Pensyarah Dan Pelajar Perguruan Tinggi Muhammadiyah Tahun 2016	12
1.4	Kerangka Konseptual	20
2.1	Piramid Pembangunan Pengurusan Strategik	34
2.2	Model Pengurusan Rasional	34
2.3	Hierarki Proses Pengurusan Strategik	35
2.4	Konsep Linear Pengurusan Strategik	35
2.5	Model Pengurusan Strategik Komprehensif	38
2.6	<i>Empat Elemen Asas Penting Pengurusan Strategik</i>	39
2.7	<i>Penjabaran Empat Elemen Dasar Pada Model Pengurusan Strategik</i>	40
2.8	Budaya Organisasi Yang Berkaitan Dengan Empat Unsur Domain	43
4.1	Ciri-Ciri Responden Penyelidikan Berdasarkan Pendapatan	86
4.2	Histogram Komitmen Organisasi	91
4.3	Scatterplot Komitmen Organisasi	94
4.4	Normal P-P Plot Komitmen Organisasi	95
4.5	Histogram Prestasi Kerja	99
4.6	Scatterplot Prestasi Kerja	102
4.7	Normal P-P Plot Prestasi Kerja	103
4.8	Histogram Budaya Organisasi	107
4.9	Scatterplot Budaya Organisasi	110
4.10	Normal P-P Plot Budaya Organisasi	111
4.11	Histogram Prestasi Kerja	115
4.12	Scatterplot Prestasi Kerja	118
4.13	Normal P-P Plot Prestasi Kerja	119





4.14	Histogram Prestasi Kerja	124
4.15	Scatterplot Prestasi Kerja	127
4.16	Normal P-P Plot Prestasi Kerja	128
4.17	Histogram Prestasi Kerja	134
4.18	Scatterplot Prestasi Kerja	138
4.19	Normal P-P Plot Prestasi Kerja	139





BAB 1

PENDAHULUAN



1.1. Pengenalan

Jacques Delors (2005) dalam laporan UNESCO tentang pendidikan untuk menuju pendidikan abad 21 mengingatkan perjalanan pedagogi akan berhadapan cabaran dalam mengembangkan potensi generasi baharu. Terdapat empat tiang pendidikan yang merupakan asas yang kuat dan sesuai iaitu, 1) Belajar untuk menjadi, 2) Belajar untuk hidup bersama, 3) Belajar untuk melakukan, dan 4) Belajar untuk mengetahui. Untuk mencapai tiang-tiang pendidikan abad 21 iaitu pembangunan manusia berterusan dianggap sebagai suatu panduan langkah pendidikan (UNESCO, 2005).





Panduan pendidikan pada masing-masing negara adalah berbeda satu sama lainnya. Perbedaan mengacu pada tujuan negara masing-masing. Perbedaan panduan pendidikan pada sebuah negara terhadap negara lain juga dipengaruhi oleh keadaan masyarakat dan pada prosesnya disesuaikan dengan kemampuan dari negara pada negara tersebut. Demikian pula di negara Indonesia, Pendidikan di Indonesia diatur secara baik oleh undang-undang yang berlaku di Indonesia yang disesuaikan dengan pembangunan negara Indonesia.

Jika ditinjau dari segi pembangunan nasional Indonesia, tujuan pendidikan mengikut Undang-undang nomor 20 Tahun 2003 Bab II pasal 2 ialah 'pendidikan nasional berdasarkan Pancasila dan Undang-Undang Dasar Negara Republik Indonesia Tahun 1945'. Pasal 3 iaitu pendidikan nasional berfungsi,

- 1) mengembangkan kemampuan dan membentuk watak serta peradaban bangsa yang bermartabat dalam rangka mencerdaskan kehidupan bangsa
- 2) bertujuan untuk berkembangnya potensi pelajar agar menjadi manusia yang beriman dan bertakwa kepada Tuhan yang Maha Esa, berakhlak mulia, sehat, berilmu, cakap, kreatif, mandiri, dan menjadi warga negara yang demokratik serta bertanggungjawab".

Undang-undang Nomor 20 Tahun 2003 juga mengatur mengenai jalur, jenjang, dan jenis pendidikan. Jalur pendidikan di Indonesia terdiri daripada pendidikan formal, nonformal, dan informal. Jenjang atau tingkat atau tahap pendidikan formal terdiri atas pendidikan dasar, pendidikan menengah dan pendidikan tinggi. Sedangkan jenis pendidikan pula ialah non-formal meliputi pendidikan umum, pendidikan, akademik, profesional, vokasional, agama, dan bidang khusus.

Pendidikan tinggi adalah jenjang pendidikan di Indonesia berperan penting untuk mencapai matlamat pendidikan yang dibincangkan. Perguruan tinggi menurut Peraturan





Pemerintah Republik Indonesia Nomor 4 Tahun 2014 merangkumi program diploma, sarjana, magister (master), doktor, profesional, dan program pakar.

Selaras dengan hal tersebut, Perguruan Tinggi Muhammadiyah merupakan Perguruan Tinggi Swasta (PTS) di Indonesia yang menawarkan sistem pendidikan berkepentingan dalam memastikan suatu penyelenggaraan pendidikan bermutu dengan pengurusan efektif dan efisien, sehingga diperlukan sumber manusia profesional dalam melakukan suatu perilaku pekerjaan sesuai dengan kemampuan dan budaya agar menghasilkan produktiviti kerja yang diharapkan dan berkualiti.

1.2 Latar Belakang Kajian

Untuk mencapai matlamat pendidikan yang dibincangkan, terdapat beberapa bahagian yang menjadi faktor penyumbang, iaitu tujuan pendidikan, pelajar, kurikulum, dana, kemudahan, pendidik dan tenaga kependidikan (Hikmat, 2009; Suharno, 2008; Slameto, 2010). Daripada faktor-faktor tersebut, pendidik dan tenaga kependidikan ialah faktor utama dan tanpa mengabaikan faktor-faktor penunjang lain dalam menentukan keberhasilan proses pendidikan (Trianto & Tutik, 2006).

Pemerintah Indonesia dalam rangka mencapai keberhasilan dalam bidang pendidikan menetapkan standard pensyarah dan kakitangan pendidikan (tenaga kependidikan) melalui PerMenristekdikti No. 44 tahun 2015. PerMenristekdikti No 44 tahun 2015 menyatakan bahawa seorang pensyarah wajib memiliki kelayakan akademik dan kompetensi pendidik, sihat jasmani dan rohani, serta memiliki kemampuan untuk





menyelenggarakan pendidikan. Kelayakan dalam akademik merupakan kriteria minimal tentang keupayaan dan kompetensi untuk menguruskan pendidikan dalam rangka memenuhi pencapaian pembelajaran graduan.

Pensyarah profesional ditandai dengan prestasi yang dihasilkannya. Pensyarah profesional mempunyai tugas utama dalam mentransformasi, mengembang dan meluaskan ilmu pengetahuan, teknologi dan seni melalui pendidikan, penelitian dan pengabdian kepada masyarakat (Peraturan Pemerintah Republik Indonesia Nomor 37 Tahun 2009). Professionalisme pensyarah merupakan salah satu unsur penunjang dalam mewujudkan prestasi kerja. Prestasi kerja itu sendiri dipengaruhi oleh beberapa faktor iaitu 1) Kejelasan Matlamat (adanya matlamat akhir yang hendak dicapai), 2) Himpunan (adanya kemampuan untuk mencapai sesuatu matlamat), 3) Struktur pengetahuan (mempunyai pengetahuan dalam situasi tertentu), 4) Maklumbalas, 5) Model mental, 6) Motivasi, dan 7) Persekitaran kerja (Nickols, 2016).




Secara lebih meluas, faktor prestasi kerja dapat dikategorikan menjadi dua kategori faktor iaitu faktor dalaman dan faktor luaran (Ismail, 2008). Ismail (2008) menjelaskan bahawa faktor dalaman meliputi kepuasan kerja dan komitmen organisasi, dan faktor luaran termasuk kepimpinan, keselamatan dan keselamatan kerja, dan budaya organisasi.

Nickols (2016) rekapitulasi tujuh faktor yang membolehkan kejayaan prestasi iaitu 1) gambaran yang jelas tentang matlamat yang harus dicapai, 2) himpunan yang sesuai, 3) pengetahuan tentang struktur situasi, 4) maklum balas yang berfungsi, 5) model mental yang sesuai, 6) motivasi yang mencukupi dan 7) persekitaran tugas yang menyokong atau mudah diuruskan.



Timbulnya permasalahan prestasi maka akan bersangkutan dengan sumber manusia dalam sesuatu organisasi. Sumber manusia merupakan komponen utama yang perlu diperhatikan dalam hal kejayaan prestasi dalam suatu organisasi, sebab secanggih apapun teknologi dan modal organisasi yang dipergunakan dalam suatu organisasi akhirnya akan mengarah pada pengurusan. Hal ini dapat disimpulkan bahawa tanpa adanya prestasi kerja yang baik daripada pensyarah dalam melaksanakan tugasnya, kejayaan organisasi tidak tercapai sepenuhnya. Peranan pensyarah dalam suatu organisasi akan menentukan maju atau mundurnya organisasi.

Untuk kepentingan tersebut, pensyarah di Perguruan Tinggi Muhammadiyah, Indonesia dipilih sebagai subjek kajian. Pusat perguruan ini dipilih kerana merupakan perguruan tinggi swasta di Indonesia yang paling banyak dan memiliki sumbangan besar bagi menyiapkan sumber manusia yang utama di Indonesia. Data jumlah Perguruan Tinggi Muhammadiyah di Indonesia sebanyak 165, sebagaimana gambar berikut ini.



Rajah 1.1. Jumlah Perguruan Tinggi Muhammadiyah Tahun 2016 (Effendy, 2016)



Perguruan Tinggi Muhammadiyah merupakan amal usaha Persyarikatan Muhammadiyah (untuk selanjutnya disingkat Muhammadiyah) telah ditubuhkan di Yogyakarta 18 November 1912. Ia adalah organisasi kemasyarakatan Islam yang gerakannya bercorak tajdid, iaitu gerakan untuk mengembalikan Islam kepada kemurniannya. Muhammadiyah bertujuan menegakkan dan menjunjung tinggi agama Islam sehingga terwujud masyarakat Islam yang sebenar-benarnya, Masyarakat Islam yang dimaksudkan, tidak indentik dengan negara Islam.

Secara strategik, gerakan tajdid dan pencapaian matlamat Muhammadiyah dijalankan melalui program-program pendidikan dan pengajaran, memajukan dan memperbaharui pendidikan dan kebudayaan, mengembangkan ilmu pengetahuan, teknologi, dan seni serta mempergiat penyelidikan menurut tuntunan Islam. Oleh itu, Muhammadiyah pun sekaligus menjadi induk seluruh lembaga pendidikan Muhammadiyah termasuk perguruan tinggi Muhammadiyah.



1.3 Pernyataan Masalah

Kini, organisasi menghadapi persekitaran yang dinamik (Papulova & Papulova, 2006). Organisasi harus mempunyai kemampuan strategik untuk menghadapi persekitaran yang dinamik. Persekitaran yang dinamik mewujudkan persaingan yang hebat. Oleh itu, organisasi harus mempunyai keupayaan responsif untuk menghadapi persaingan yang hebat itu agar mampu bertahan, tetap berkembang dan cemerlang (Daft, 2008).

Kemampuan bertahan sesuatu organisasi, salah satunya ditentukan oleh pekerja sebagai ahli di dalam organisasi. Pekerja sebagai ahli organisasi mempunyai persepsi yang berbeza-beza. Oleh sebab itu, pengurusan organisasi perlu mengetahui bagaimana persepsi pekerja mengenai persaingan organisasi untuk mengoptimumkan peranan mereka.





Hal ini akan mempengaruhi pandangan dan tanggapan mereka terhadap organisasi dan akhirnya akan memberi kesan kepada tingkah laku dan prestasi kerja mereka.

Tertubuhnya institusi perguruan tinggi dalam melahirkan insan yang mampu mencipta sumber manusia berkualiti untuk pembangunan bangsa pada masa hadapan, institusi perguruan tinggi perlu meningkatkan kualiti dan prestasi institusinya. Ini bagi menentukan kemampuan perguruan tinggi itu dalam menghasilkan tenaga kerja yang kompetitif bertaraf nasional mahupun internasional dalam bidangnya (Soegoto, 2011).

Tidak dapat dinafikan bahawa pada masa kini tidaksedikit perguruan tinggi yang semakin kurang diminati, Mishabul dan Surya (2012), oleh itu Perguruan Tinggi yang sesuai harus memenuhi kriteria yang antara lain, 1) Mempunyai sumber manusia (pensyarah dan kakitangan) yang profesional dan berkualiti, 2) mendapat kepercayaan masyarakat, 3) mempunyai prasarana dan kemudahan pendidikan yang mencukupi, 4) pengurusan organisasi berkesan dan dinamik, dan 5) selalu meningkatkan prestasi.

Namun, selanjutnya muncul persoalan baharu iaitu bagaimana untuk menghasilkan pensyarah dan pekerja yang mempunyai prestasi kerja yang optimum. Prestasi optimum dalam kalangan pensyarah dan pekerja merupakan salah satu cara pengurusan organisasi untuk membawa organisasi kepada tahap produktiviti kerja yang lebih tinggi.

Perguruan Tinggi Muhammadiyah sebagai institusi perguruan tinggi di merata Indonesia tidak akan lepas daripada pengaruh perkembangan persekitaran dan amat memerlukan pensyarah yang mampu menghadapi cabaran perkembangan, tentunya masih banyak halangan yang harus segera diselesaikan agar pengurusannya dapat disesuaikan dengan harapan pelanggan.





Gambaran kepada objektif pengurusan Perguruan Tinggi Muhammadiyah meliputi beberapa hal antaranya, 1) merupakan tanah jajahan perguruan tinggi terbesar di Indonesia baik dalam kapasiti sebagai perguruan tinggi swasta mahupun perguruan tinggi Islam swasta, 2) identiti "Muhammadiyah" dalam hal tertentu menguntungkan namun dalam hal lain tidak, 3) usia dan pertumbuhan Perguruan Tinggi Muhammadiyah tidak serentak dan merata tempat, 4) penermpatan Perguruan Tinggi Muhammadiyah tidak sekata secara nasional, 5). saat ini jumlahnya Perguruan Tinggi Muhammadiyah kira-kira 3.74 peratus, (165) daripada jumlah institusi perguruan tinggi di Indonesia (4,413), 6) sumbangan Perguruan Tinggi Muhammadiyah terhadap jumlah mahasiswa ialah kira-kira 4 peratus daripada jumlah keseluruhan pelajar Indonesia di perguruan tinggi, dan 7) sumbangan Perguruan Tinggi Muhammadiyah terhadap jumlah pensyarah ialah kira-kira 4.15 peratus (Effendy, 2016).



Walaupun Muhammadiyah telah mempunyai akar sejarah dan asas massa yang begitu kuat, namun bukan bererti bahawa persyarikatan ini tidak menghadapi masalah dalam mengembangkan usahanya. Antara permasalahan ialah,

1. Belum terdapat amalan standard kualiti termasuk bidang pendidikan.
2. Kepelbagaian latar belakang elit pemimpin yang belum sepenuhnya melalui proses pengalaman yang sama dalam menggerakkan organisasi sehingga ada jurang visi dan misi antara pemimpin.
3. Kurang berkembangnya peranan Muhammadiyah dalam menghadapi isu-isu dan dinamika baharu yang bersifat non-konvensional sehingga Muhammadiyah secara institusi kelihatan kurang bergerak secara dinamik.
4. Muhammadiyah kurang mengambil inisiatif untuk mempelopori perubahan termasuk dalam perkembangan institusi pendidikan tinggi kecuali hanya melalui sebahagian tokohnya dalam pembinaan personaliti dan ketokohnya.






Perguruan Tinggi Muhammadiyah ini dalam mencapai matlamat jangka panjang menghadapi persekitaran yang berkembang pesat, organisasi ini harus bereaksi dengan pengurusan strategi menyeluruh, iaitu suatu pendekatan pengurusan strategi (Wheelen & Hunger, 2012). Peranan sumber manusia dalam organisasi sungguh dominan, sehingga istilah pengurusan sumber manusia digunakan untuk mengakui pentingnya pekerja sebagai aset syarikat.

Menurut Miller (2007), kualiti dalam perguruan tinggi dapat dilihat berdasarkan dimensi sistemnya yang saling berkaitan, iaitu meliputi kualiti: 1) sistem hulu 2) input 3) proses kerja utama 4) output 5) sistem kepimpinan, dan 6) persekitaran kerja. Namun masalah kualiti pensyarah masih menjadi kebimbangan banyak pihak. Riksana (2011) mendedahkan bahawa permasalahan pendidikan tinggi yang perlu mendapat perhatian adalah kelayakan pendidikan pensyarah dan komitmen terhadap penyelidikan yang masih rendah. Hal tersebut disokong oleh Laporan BAN-PT yang mendedahkan bahawa kelayakan akademik pensyarah berijazah Diploma dan S1 pada tahap 49.76% padahal standard kelayakan pensyarah bagi program sarjana adalah paling rendah ialah berpendidikan magister (sarjana), (Laporan BAN-PT, 2009).

Gambaran mengenai profesionalisme dan prestasi kerja pensyarah di Institusi Pengajian Tinggi Muhammadiyah, secara am menunjukkan tahap pendidikan dan kemahiran yang secara relatifnya kurang mencukupi. Beberapa jabatan struktural dijabat rangkap oleh seorang pensyarah, kualiti lulusan relatif rendah, kuantiti dan kualiti penyelidikan masih kurang, penerbitan ilmiah yang diterbitkan relatif terhad, jumlah pendaftar calon mahasiswa dan mahasiswa yang diterima sedikit, jumlah dan kelayakan tenaga pensyarah masih kurang, sarana kemudahan utama dan penunjang akademik relatif terhad, organisasi belum dinamik dan bersaing.



Kesemuanya itu terefleksi dalam perolehan peringkat akreditasi BAN PT yang sebahagian besar masih memperoleh peringkat C (BAN PT, 2014). Berikut gambaran nilai akreditasi Perguruan Tinggi Muhammadiyah pada Februari 2016.



Rajah 1.2. Akreditasi Perguruan Tinggi Muhammadiyah Tahun 2016 (Effendy, 2016)

Daripada rajah di atas, daripada jumlah 165 Perguruan Tinggi Muhammadiyah 80 daripadanya telah terakreditasi sebanyak, manakala selebihnya berjumlah 85 belum terakreditasi. Sebahagian besar perguruan tinggi Muhammadiyah berada pada peringkat C iaitu berjumlah 56 perguruan. Ini bermakna bahawa perguruan tinggi ini masih memerlukan pembinaan dan belum mandiri pencapaiannya.

Hal itu tidak semata-mata berkaitan ketidakupayaan pensyarah itu sendiri, tetapi juga berkaitan dengan pengurusan sumber manusia, sebagaimana dinyatakan oleh Sallis (2012), bahawa pengurusan dan kepimpinan juga sering menjadi kekangan dalam peningkatan kualiti. Pihak pengurusan sumber manusia masih kurang efisien dalam proses pengambilan pensyarah yang tidak atau belum memenuhi standard dan pengurusan proses pembangunan sumber pensyarah juga belum optimum.



Kepimpinan Pusat Muhammadiyah mengemukakan bahawa pembangunan dan pelaksanaan sistem pengambilan pensyarah dan kakitangan Muhammadiyah didasarkan atas kesepaduan faktor-faktor, 1) objektiviti dan profesional 2) komitmen keislaman 3) pengalaman dan kepemihakan pada pembangunan misi Muhammadiyah 4) akhlak yang terpuji 5) bertanggungjawab, dan 6) faktor-faktor yang menyokong kepentingan pengembangan amal usaha.

Dasar pembangunan dan pengambilan pensyarah tersebut memberi gambaran bahawa pengurusan strategik pensyarah di Perguruan Tinggi Muhammadiyah harus menghasilkan pensyarah yang berkualiti baik secara personal maupun secara sosial dan profesional. Selain peningkatan kualiti dan prestasi kerja pensyarah, Perguruan Tinggi Muhammadiyah juga mempunyai tugas menyelenggarakan tridarma perguruan tinggi sesuai dengan ketentuan kerajaan. Konsep dan pelaksanaan tridarma perguruan tinggi itu disepadukan dengan muatan persyarikatan, iaitu kajian keislaman dan kemuhammadiyah.

